

## **Demonstrasi jalanan tidak kukuhkan demokrasi**

### **Utusan Online**

**20 Jun, 2012**

SHAH ALAM 19 Jun - Demonstrasi jalanan yang sering diperjuangkan oleh parti pembangkang sebenarnya tidak membantu mengukuhkan proses demokrasi negara ini sebaliknya lebih banyak memberikan kemusnahan sekali gus menafikan hak orang lain.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Saifuddin Abdullah ketika membidas hujah Naib Presiden Pas, Salahuddin Ayub dalam debat malam ini menyatakan, Ahli Parlimen Kubang Kerian itu lupa tentang wujudnya kerangka pemikiran yang tepat tentang perhimpunan dalam sistem demokrasi iaitu perlu menyeimbangkan antara hak individu dan kebebasan bersuara dengan keselamatan awam.

"Demonstrasi tidak membantu kukuhkan demokrasi, mungkin ia sebahagian daripada demokrasi tetapi tidak mengukuhkan, ini maknanya demokrasi sudah wujud," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program debat bersama Salahuddin bagi mengupas tajuk *Demonstrasi Jalanan: Meruntuh atau Mengukuh Demokrasi* anjuran *Sinar Harian* di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangkrif, di sini malam ini.

Pensyarah Pengajian Strategik dan Antarabangsa Universiti Malaya, Prof. Datuk Mohamad Abu Bakar bertindak selaku moderator debat itu.

Debat tersebut turut disiarkan secara langsung melalui saluran televisyen, *Astro Awani* dan radio *Bernamea 24*.

Saifuddin ketika membalas hujah Salahuddin bahawa sejarah pembentukan negara bermula dengan protes jalanan Malayan Union pimpinan Datuk Onn Jaafar berkata, demonstrasi yang dilakukan oleh orang Melayu itu dilakukan ketika sistem demokrasi di negara ini belum wujud.

"Jadi kena ada beza yang hendak wujudkan yang tiada dengan kukuhkan perkara yang ada," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pengajian Tinggi turut membidas tindakan Salahuddin menyamakan demonstrasi jalanan dengan perarakan agama yang dilakukan oleh penganut Hindu semasa sambutan Thaipusam sedangkan kedua-duanya ada perbezaan ketara.

Dalam hal ini beliau bertanyakata, adakah selepas ini perlu dikatakan bahawa tindakan Rasulullah menunaikan ibadah umrah di Tanah Suci Mekah selepas peristiwa perjanjian Hudaibiah boleh dianggap sebagai demonstrasi jalanan?

"Ada banyak medium pendekatan lebih aman untuk kukuhkan demokrasi yang sudah wujud dan apa kerja baik dalam transformasi politik boleh tertanggung akibat demonstrasi jalanan," jelasnya.

Saifuddin menegaskan, pihaknya tetap menolak demonstrasi jalanan kerana ia mengundang pelbagai risiko kepada pihak ketiga termasuk peserta demonstrasi sendiri, pihak berkuasa, peniaga, orang ramai dan wartawan malah terdapat anasir luar mengambil kesempatan.

"Matlamat sebenar tidak tercapai, tetapi buah mulut orang adalah tentang cerita lain. Sebab itu kalau ada banyak demonstrasi jalanan akhirnya menjadi kekacauan. Pokoknya kesemua risiko berlaku dalam perhimpunan jalanan Bersih 3.0 baru-baru ini," katanya.

Terdahulu Salahuddin menyatakan, negara ini sarat dengan pengalaman budaya politik jalanan untuk mengangkat sesuatu isu seperti tuntutan menghapuskan Malayan Union, demonstrasi keranda 152 dalam isu bahasa Melayu dan demonstrasi mahasiswa di Baling pada tahun 70-an tentang kemiskinan rakyat.

"Perarakan Maulidur Rasul dijadikan agenda untuk zahirkan kekuatan Islam, dalam sejarah budaya sarat dengan budaya sihat walaupun mula dijalan raya," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_10.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm)